

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM  
[ KUBANG PASU ]**

**TARIKH : 8 APRIL 2014**

**SOALAN:**

**Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [ Kubang Pasu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang “pelarian” etnik Rohingya dari Myanmar. Berapakah bilangan mereka yang telah memasuki negara kita sejak lima tahun lalu. Apakah usaha kita bersama-sama United Nations High *Commissioner for Refugees* (UNHCR) untuk menghantar balik mereka ke negara asal atau ditahan di kem sementara. Jika ada, apakah masalah ini tidak dibincang dan diselesaikan di peringkat pertubuhan ASEAN.

**JAWAPAN:**      **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Pejabat Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR) di Kuala Lumpur sehingga 31 Januari 2014, terdapat 27,289 “pelarian” dan 7,079 pemohon suaka di kalangan etnik Rohingya Myanmar. Kumpulan ini mewakili 25.9% dari jumlah keseluruhan “pelarian” dari Myanmar yang berjumlah 132,187 orang. “Pelarian” dari Myanmar yang lain adalah terdiri dari etnik Chin, Kachin, Mon, Karen, Bamar, Shan, Kayah, Karenni, Muslim dan lain-lain.

Isu “pelarian” ini merupakan isu sejagat yang memerlukan bantuan dan sokongan masyarakat antarabangsa. Dalam hal ini, Kerajaan juga sentiasa mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Perwakilan Asing yang mempunyai warganegaranya sebagai “pelarian” dan pejabat UNHCR di Kuala Lumpur bagi mempercepatkan proses penghantaran pulang “pelarian” ke negara asal atau dihantar ke negara ketiga khususnya di kalangan 147 negara yang menjadi negara ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Dalam masa yang sama, Pihak Berkuasa Malaysia juga sentiasa meningkatkan pemantauan dan kawalan di pintu-pintu masuk udara, sempadan darat dan laut bagi menghalang kemasukan “pelarian” yang baru ke dalam negara.

Sekian. Terima kasih.